

08/01/1997

Adik MB akui miliki sebahagian wang

KUALA LUMPUR, Selasa - Adik Menteri Besar Selangor, Datuk Raduan Muhd Taib hari ini mengakui sebahagian wang yang dibawa oleh abangnya, Muhammad di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember lalu adalah miliknya.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif Bridgecon Bhd turut mengesahkan sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan perkara itu.

Sehubungan itu, beliau sedia bekerjasama serta memberi keterangan terhadap pihak berkuasa termasuk Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang kini difahamkan sedang menjalankan siasatan.

"Wang itu adalah wang keluarga seperti yang dikatakan oleh Muhammad. Ia adalah milik saya; abang, Datuk Othman dan adik, Hassan untuk tujuan membeli hartanah di Australia," katanya ketika ditemui di tapak projek The Mines Resort di sini, hari ini.

Ahad lalu, Muhammad berkata, beliau sudah mengemukakan surat adiknya kepada Perdana Menteri pada Sabtu lalu.

(END)